



Ustaz Mohd Fikri Che Hussain,
Pendaakwah Bebas.

WANITA BERJAYA TERBENTUK DARI *Rumah Tangga* TERBAIK

Motivasi diri yang kuat dan penuh bersemangat, itu antara kriteria yang perlu bagi seseorang untuk kekal berjaya. Ini penting supaya dapat mengekalkan momentum semangat yang kadangkala menjadikan seseorang itu cepat berputus asa, patah semangat, sering dilanda kecewa dan sebagainya.

Menurut Ustaz Mohd Fikri Che Hussain, pendakwah bebas, seseorang itu juga perlu tahu bahawa kegagalan itu adalah sesuatu yang menjadi pendorong utama dalam kehidupan untuk terus mencuba.

"Tiada manusia yang tidak pernah gagal, tiada manusia yang tidak pernah melakukan kesilapan, kesalahan dan segala bentuk kegagalan lain. Malah sering kali sahaja manusia itu melakukan dosa, tapi adakah manusia itu kekal terus berdosa? Sudah tentu tidak, dalam Islam sendiri ada ruang untuk seseorang itu melepaskan dirinya dari belenggu dosa iaitu dengan cara bertaubat untuk tidak mengulangi semula kesilapan yang pernah dilakukan.

"Apatah lagi bagi satu kegagalan dan kesalahan yang pernah dilakukan, maka semua itu masih boleh ditebus dan diulangi. Jadi, bagi orang yang ingin terus berjaya, dia perlu merancang, berusaha dan sentiasa bersemangat

untuk terus menciptakan kejayaan. Semua orang yang berjaya, mereka sebenarnya pernah gagal dan gagal, tapi kegagalan itulah yang membolehkan mereka terus bersemangat untuk mencuba dan mencuba hingga berjaya." jelas Ustaz Mohd Fikri sambil mengakui kejayaan wanita diukur daripada aspek pembentukan rumah tangga yang terbaik.

Didikan dan asuhan dari rumah

Peringkat awal kejayaan dalam pembentukan sosial seseorang masyarakat itu adalah dari asuhan dan didikan seorang yang bergelar ibu. Kemampuannya tidak boleh dinafikan dari aspek kepentingannya sejak mula kehidupan seseorang insan dalam dakapannya. Malah, seorang ibu itu adalah wanita yang berkejeraya sejak zaman berzaman dalam pembentukan sahsiah seorang manusia dari kelompok keluarga, masyarakat, bangsa dan seterusnya sebuah negara yang maju dan bertamadun.

Jika difikirkan kembali semasa 40 - 50 tahun yang lalu, ibu bapa kita yang berada di kampung bukanlah di kalangan orang yang senang dan mewah. Makanan juga kadangkala bercutu dan untuk dapat menjamah lauk ayam dan daging hanya boleh pada musim perayaan sahaja. Namun perkara itu bukanlah suatu yang lumrah sebenarnya, tetapi ia dalam bentuk yang menjadi trend masyarakat ketika itu yang boleh kita lakarkan sebagai satu masyarakat yang 'berseederhana'.

"Berbeza dengan masyarakat kini, bila mana wujud wanita yang bekerja dan berkejeraya, maka trend pun berubah terutamanya dalam berkenderaan, berpakaian, pemakanan dan sebagainya. Semuanya perlu seolah-olah perlu dipaparkan dalam media sosial sebagai 'pemangkin semangat' kepada pesaing di kalangan rakan sekerja. Apa yang ingin ditunjukkan adalah trend dan gaya hidup bermewah yang pernah diungkap oleh orang

terdahulu iaitu, 'Biar papa asal bergaya', ujar Ustaz Mohd Fikri lagi.

Tinggalkan peruntuk semangat

Tambahnya lagi, gunakan masa yang terluang untuk bersama dengan anak-anak setiap masa, ambil berat pada pakaian dan makanan mereka serta cuba luangkan masa 'melayani' kerja sekolah mereka. Lihat latihan yang telah mereka lakukan dan sekali-sekala uji dan berikan latihan mengikut tahap kemampuan mereka dengan sekadarnya.

"Sikap prihatin seseorang ibu pada pelajaran anak-anaknya, walaupun sekali-sekala ia sudah cukup membolehkan anak-anak tadi rasa bersemangat, mendapat perhatian dan juga rasa ditemani oleh seorang ibu dan juga kawan secara tidak langsung. Keadaan ini sebenarnya sudah lama wujud di kalangan bangsa lain, namun di kalangan bangsa kita ia baru mula mendapat perhatian. Manakala keciciran di

kalangan anak-anak pula biasanya disebabkan tiada perhatian secara langsung dari ibu bapa terhadap pelajaran mereka.

"Bagi ibu 'istimewa' pula, setiap kekurangan yang ada pada mereka itu bukanlah sesuatu yang perlu 'dikisahkan' kerana keperluan hidup adalah lebih besar pada masa yang mendatang. Jika mereka tidak berusaha untuk diri mereka dan keluarga, siapa lagi yang akan membantu mereka? Perlu dihayati bahawa setiap insan mempunyai masalah masing-masing yang kita sendiri tidak mengetahuinya. Malah ada orang yang kaya, fizikal normal dan segala benda adalah sempurna, tapi sebaliknya jika mereka tidak seketan orang yang biasa hidup susah dengan fizikal yang tidak sempurna. Semua ini adalah ujian dalam kehidupan yang dilalui oleh setiap insan.

"Antara kaedah terbaik bagi ibu 'istimewa' ini untuk terus bersemangat adalah dengan teruskan sahaja berusaha tanpa cepat terpengaruh dengan faktor sekeliling. Pedulikan 'cagak orang', abaikan 'herdikan orang', tinggalkan 'perintah semangat' dan siapa sahaja yang cuba menjatuhkan semangat anda. Kuatkan azam, kukuhkan tekad dan terus sahaja berusaha untuk mencapai apa sahaja niat yang anda tanamkan. Itu sahaja alan terbaik dalam usaha mencapai apa sahaja cita-cita yang anda inginkan dalam hidup.

"Tidak semua nasihat orang yang memberi nasihat itu mempunyai niat yang baik dan mereka yang memberi nasihat itu juga kadangkala 'tidak pernah' mengikuti nasihat yang mereka berikan itu. Jadi, bagi menghadapi situasi pemberi nasihat ini yang pelbagai dan tidak pernah berada di 'tempat' kita, hanya ada dua cara iaitu [1] ambil nasihat yang baik dan mampu dilakukan, dan [2] tinggalkan apa yang tidak memberi manfaat dan abaikan sahaja. "Cabaran yang bakal dihadapi bagi mereka yang ingin berjaya ini tidak dapat lari dari keadaan ini iaitu faktor sekeliling atau persekitaran. Orang yang paling hampir untuk memberikan sokongan dan juga 'peleham semangat' kita antaranya adalah ahli keluarga kita yang terdekat, sahabat dan juga jiran. Jadi, dalam konteks ini ia pernah dinyatakan oleh Nabi SAW dalam sebuah hadisnya bermaksud, "Seorang individu

itu berada dalam agama rakannya, jadi perhatikan kepada siapakah dia kerap berkawan." (Hadis riwayat Abu Dawud dan al-Tirmizi).

"Maka, maksud 'berada dalam agama rakannya' itu adalah gaya hidup dan trend/kehidupan. Jika rakannya memiliki motor besar, kawannya juga akan turut sama mendapatkannya demi memenuhi cita rasa 'berkawan' dan ia amat cepat mempengaruhi. Apatah lagi dalam kehidupan berkeluarga, anak saudara dan juga kaum kerabat, ia lebih cepat memberi pengaruh yang besar pada diri seseorang itu.

"Maka dalam keadaan ini, rentak hidup kita bukanlah sama dengan semua orang. Apa yang mereka ada, kadangkala kita tidak mampu pun mengadakannya di hadapan mata. Tapi, apa yang kita ada, kadangkala mereka pun tidak ada. Contohnya, mereka tiada pun semangat juang yang kita ada. Segala bentuk kesabaran, ketabahan dan kecekalan sudah lama dipersiapkan dalam merentasi kehidupan ini. Segala bentuk kekurangan dari aspek fizikal, mental dan juga kewangan, sudah lama dipersiapkan perancangan untuk kita mengatasinya.

"Jika, segala kerenah ini mampu diatasi, maka bersyukur kerana kita adalah seorang yang berjaya dalam rekod kita sendiri tanpa perlu ada orang lain mengiktirafnya. Bahkan orang yang ikhlas berusaha itu adalah mereka yang dilihat oleh Allah, berbanding mereka yang berbuat suatu perkara dan inginkan perhatian (riyak) dan mendengar pujian (sum'ah) dari orang lain. Sedangkan amalan sebagai tudung tidak dihilai oleh Allah dengan sebarang kebaikan," kata Ustaz Mohd Fikri.

Kekurangan fizikal bukan penghalang berjaya

Bagi kalangan orang kelainan upaya (OKU), kekurangan fizikal sering dikaitkan sebagai penghalang untuk berjaya.

Selain kekurangan diri, penghalang utama bagi mereka untuk mencapai kejayaan adalah kekurangan kemudahan yang sesuai untuk mereka. Antara kemudahan ini adalah seperti pekerjaan dalam sektor sosial di kalangan masyarakat. Keadaan yang begitu terhad ini menghalang banyak

kelebihan yang mereka miliki dan mampu diketengahkan dalam masyarakat.

Contoh yang boleh dilihat di kalangan negara Arab yang tiada banyak kemudahan ini, dua orang mufli negara Arab Saudi yang tersohor ini adalah dari kalangan mereka yang bergelar OKU iaitu Syeikh Bin Baz dan Syeikh Abdullah Alu Syeikh, Malahan pendakwah terkenal di negara Mesir suatu ketika dulu adalah OKU iaitu Syeikh Abdul Hamid Kisyk. Jadi, tiada alasan untuk seseorang itu menggunakan sebab kekurangan fizikal sebagai faktor yang menjadi penghalang untuk seseorang itu terus berjaya.

Di samping itu juga, pihak berkuasa sepatutnya lebih prihatin dalam usaha memberikan segala kemudahan yang diperlukan kepada golongan OKU ini. Lihat di bidang sukan paralimpik contohnya, walaupun pada suatu masa dahulu ia seolah-olah disisihkan, namun pencapaian yang cemerlang pada saban tahun membolehkan ia diangkat sebagai satu usaha terbaik dalam mengangkat martabat golongan OKU sebagai anggota masyarakat yang berkebolehan dan berdaya saing.

4 TIP...

kekal bersemangat / motivasi dalam mencapai matlamat untuk berjaya.

- Sentiasa berusaha bersungguh-sungguh dalam apa jua lapangan yang kita ceburi, amalkan sikap tekun, banyak bersabar, cekal, berdikari dan bertawakal.
- Hindari sikap malas, sikap suka bertangguh-tangguh, melakukan kerja sambil lewa, cepat berputus asa, cepat sedih dan kecewa, mudah terluka, mengalah dan merajuk.
- Semua sikap negatif ini adalah perkara yang tidak akan memajukan diri seseorang yang ingin berjaya pada apa jua situasi yang bakal dihadapinya.
- Setiap kegagalan yang dihadapi sebaiknya diperbaiki dengan azam dan tekad yang baru. Jadikan kegagalan itu ibarat baja yang busuk dan digunakan untuk menyiram di atas akar pokok bagi menjadikannya lebih segar dan dapat terus hidup dengan penuh subur. <